

15/09/2003

## Laporan mingguan BSKL

HARGA saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dijangka berada dalam aliran meningkat minggu ini selepas tempoh pengukuhan minggu lalu, kata seorang penganalisis.

Beliau berkata, sentimen masih kekal bulis berikutan jangkaan pertumbuhan kukuh terutama dengan pengumuman Bajet 2004 oleh Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu yang membentangkan beberapa inisiatif dasar berani.

Bajet 2004 mengguna pakai strategi serampang lima mata yang mengambil kira prestasi separuh pertama pelan pembangunan lima tahun bagi memastikan pelaksanaan penuh dasar pembangunan dan strategi bagi negara.

Berita baik lain yang boleh merangsang pasaran adalah unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dijangka berkembang antara 5.5 dan 6.0 peratus pada 2004.

MCM Technologies, AWC Facility Solution dan saham baru disenarai seperti Naim Cendera Holdings dan Luster Industries adalah antara beberapa kaunter yang menarik minat spekulatif minggu lalu.

Sementara itu, Indeks Komposit dijangka meningkat melebihi paras 750 sekali lagi minggu ini.

Indeks Komposit ditutup minggu ini pada 740.94, susut 15.54 mata daripada penutupan 756.48 minggu sebelumnya.

Indeks Emas Papan Utama ditutup pada 182.30, turun 3.92 mata daripada minggu sebelumnya pada 186.22, dan Indeks Perusahaan meningkat 45.73 mata kepada 1,638.23.

Indeks Papan Kedua susut 3.49 mata kepada 113.69 manakala Indeks Pasaran Mesdaq turun 6.88 mata kepada 142.91.

Jumlah dagangan mingguan di Papan utama turun kepada 1.438 bilion saham bernilai RM2.806 bilion daripada 1.530 bilion saham bernilai RM3.043 bilion pada minggu sebelumnya.

Jumlah dagangan Papan Kedua meningkat kepada 447.553 juta saham bernilai RM588.842 juta daripada 434.831 juta saham bernilai RM591.549 juta.

Jumlah dagangan Pasaran Mesdaq menambah kepada 479.461 juta saham bernilai RM288.810 juta daripada 358.668 juta saham bernilai RM216.101 juta.

Urusniaga luar turun kepada 260.831 juta saham bernilai RM544.809 juta daripada 340.401 juta saham bernilai RM758.881 juta.

MCM Technologies merupakan kaunter paling cergas minggu ini dengan 129.552 juta saham diniagakan, diikuti oleh AWC Facility dengan 85.750 juta saham, Iris Corporation 81,089 juta, dan Nova MSC 47.858 juta.

Sumatec Resources berada di tempat kelima dengan 43.855 juta, diikuti oleh Arab Malaysia Corporation 43.114 juta, Willowglen MSC 41.567 juta, GHL System 37.255 juta, Luster Industries 34.176 juta, dan Premium Nutrients 31.927 juta saham diniagakan.

MCM Technologies ditutup pada 46 sen, tidak berubah daripada penutupan minggu sebelumnya, manakala AWC Facility naik lapan sen kepada RM1.38, Iris Corporation susut dua sen kepada 36 sen, Nova MSC tidak berubah pada 51 sen, Sumatec Resources naik tujuh sen kepada RM2.16, Arab Malaysia Corporation menambah satu sen kepada RM1.14.

Willowglen tidak berubah pada 33 sen, GHL Systems susut satu sen kepada 57 sen, Luster turun satu sen kepada RM1.86 manakala Premium Nutrients susut dua sen kepada 45 sen.

Mengikut sektor, barangan pengguna menyumbang 46.385 juta saham yang diniagakan di Papan Utama, barangan perusahaan 211.850 juta, pembinaan 91.944 juta, dagangan/perkhidmatan 350.463 juta, teknologi 12.446 juta, prasarana 20.862 juta, kewangan 197.052 juta, hotel 25.276 juta, harta 225.496 juta, perladangan 26.538 juta, perlombongan 170,100 juta, amanah

656,800, dana tertutup 1.534 juta, syarikat PN4 10.352 juta, pinjaman 12.846 juta, TSR/Warrant 202.030 juta, TSR/Warrants (PN4) 14,000 dan dagangan hak 3.619 juta.